



PELAN INTEGRITI

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2016-2020



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

PENJANA STATISTIK NEGARA

PELAN INTEGRITI

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2016-2020

KANDUNGAN

PID 2016 - 2020

4	Kata Aluan Ketua Perangkawan Malaysia
8	Hala Tuju Strategik
12	Nilai Teras DOSM
14	Objektif Pelan Integriti
16	Latar Belakang
18	Punca Kuasa
20	ETOS Perkhidmatan Awam
22	Teras Integriti DOSM
24	Pendekatan Strategik
28	Objektif Strategik
30	Pelan Tindakan dan Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none">• Objektif Strategik 1• Objektif Strategik 2• Objektif Strategik 3• Objektif Strategik 4
46	Penutup
48	Rujukan
50	Penghargaan





01

KATA ALUAN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



KATA ALUAN

KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

Assalamualaikum wbt, Salam 1 Malaysia dan Salam 1 Statistik,

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya maka penyediaan Pelan Integriti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2016-2020 (PID) ini dapat direalisasikan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Unit Integriti dan warga DOSM yang terlibat dalam usaha menyediakan PID ini.

Selaras dengan Dasar Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP), DOSM kini terus melangkah bagi meneruskan saranan Kerajaan yang bermatlamat untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri nilai moral dan etika, dengan para warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Pelan Integriti DOSM yang disediakan ini hendaklah berjaya menyediakan modal insan yang berintegriti cemerlang.

Buku PID Tahun 2016-2020 ini diterbitkan adalah sebagai panduan kepada semua warga DOSM bagi meneruskan dan melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dikenalpasti boleh meningkatkan tahap integriti warga DOSM dalam menangani isu-isu integriti yang semakin mencabar.

Pelbagai program dan aktiviti yang menjurus kepada peningkatan integriti termasuk memberi kefahaman, kesedaran dan penghayatan integriti telah disebarluas dan dilaksanakan. Namun bagi menjayakan dan mengekalkan usaha-usaha ini, semua pihak secara keseluruhannya perlu memberi kerjasama yang padu bagi mengukuhkan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga DOSM. Lantaran itu, adalah penting untuk memperkasakan lagi program dan aktiviti ke arah meningkatkan integriti warga DOSM bagi mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang efektif.

Integriti merupakan tunjang kepada kejayaan sesebuah organisasi dan negara. Bertitik tolak kepada ini, saya mengharapkan warga DOSM akan terus memacu gerakan yang dinamik dengan meletakkan agenda pemantapan integriti sebagai satu keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan statistik. Saya percaya penerbitan ini akan menjadi satu etos kepada warga DOSM bagi mendakap integriti ke arah mengharungi perjalanan dalam memastikan penjana statistik Negara yang berintegriti dan *reliable*.

'PENJANA STATISTIK RASMI NEGARA'



DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN HASAN





02

HALA TUJU STRATEGIK

HALA TUJU STRATEGIK

Penetapan hala tuju strategik amat penting untuk memandu DOSM terus utuh berperanan dalam transformasi negara dan persekitaran global yang semakin kompetitif. Hala tuju ini menggariskan agenda transformasi untuk membolehkan DOSM menjadi organisasi yang dinamik; mempunyai sumber modal insan yang kompeten dan mampan; menghasilkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi ekspektasi pengguna; berkeupayaan sebagai *focal point* untuk statistik rasmi; mengukuhkan kerjasama strategik di peringkat nasional dan global; dan seterusnya mencapai visi untuk menjadi organisasi statistik terbilang.

Teras strategik ini dibangunkan berdasarkan lima dimensi utama iaitu dasar pembangunan dan transformasi negara, perkembangan statistik global, perkembangan ICT, pemeraksanaan modal insan dan peningkatan ekspektasi pengguna.

Pemeraksanaan modal insan diberikan fokus utama untuk membolehkan DOSM melaksanakan Pelan Integriti DOSM. Keutamaan diberikan kepada aspek pengukuhan *learning organisation*, program pembangunan modal insan yang tersusun dan ke arah pewujudan *Subject Matter Expert (SME)* dalam bidang utama.

Sumber : Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020

“Sesungguhnya orang yang paling baik diambil sebagai pekerja ialah orang kuat dan dapat dipercayai.”

(Quran 28:26)

VISI

Menjadi Sebuah Organisasi Statistik yang Terbilang Di Dunia Menjelang 2020.

MISI

Penjana Statistik Negara yang Berintegriti dan *Reliable*.

PERANAN

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

"Look for three things in a person – intelligence, energy and integrity. If they don't have the last one, don't even bother the first two."

Warren Buffet, CEO Berkshire Hathaway





03

**NILAI TERAS
DOSM**

NILAI TERAS DOSM

Dalam merealisasikan visi dan misi, warga DOSM sentiasa menghayati dan mengamalkan nilai teras berikut:

<p>KEPUASAN PELANGGAN</p>	<p>PROFESIONALISME</p>
<p>Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.</p>	<p>Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.</p>
<p>KOMPETEN</p>	<p>INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI</p>
<p>Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.</p>	<p>Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.</p>
<p>SEMANGAT BERPASUKAN</p>	<p>BERHEMAM DAN BERWIBAWA</p>
<p>Penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.</p>	<p>Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.</p>

04

OBJEKTIF PELAN INTEGRITI

OBJEKTIF PELAN INTEGRITI

Dalam menjayakan usaha Kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020, Pelan Integriti DOSM 2016-2020 (PID) telah dirangka selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020. PID dibangunkan bagi menjadikan Jabatan ini sebagai sebuah organisasi yang gemilang dan terbilang bukan sahaja dari segi penghasilan statistik yang bermutu dan berkualiti malah warga DOSM dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti bagi menjana statistik negara yang berintegriti dan *reliable* dalam merancang dan membangunkan negara ke arah Wawasan 2020. Pelaksanaan PID adalah merupakan usaha murni Jabatan untuk memantapkan sistem penyampaian dan tadbir urus terbaik berlandaskan integriti. Selain itu, pelan ini akan memperkukuhkan asas moral dan membudayakan integriti dalam kalangan setiap warga DOSM.

"Kuat dan jayanya suatu umat adalah kerana akhlakunya, apabila akhlakunya rosak, maka binasalah umat itu".

Imam Al-Ghazali



05

LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelima, YBhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 23 April 2004 merupakan pelengkap yang bertujuan untuk merealisasikan Wawasan 2020. Selain mencapai status negara maju berpendapatan tinggi mengikut acuan sendiri, pelan ini menyahut Cabaran Keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri nilai moral dan etikanya di samping memiliki nilai keagamaan, kerohanian yang utuh serta ditunjangi budi pekerti yang luhur.

Sejajar dengan pengwujudan pelan pada peringkat nasional, DOSM telah mengorak langkah dengan mengambil inisiatif dalam merangka pelan integriti khusus untuk Jabatan. Strategi-strategi yang ditetapkan dalam PID dirangka untuk tempoh 2016 - 2020 selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan bagi tahun 2015 - 2020.

Nabi s.a.w dalam sabda baginda yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maafhumnya: "Ingatlah! Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya".



06

PUNCA KUASA

PUNCA KUASA



TERAS STRATEGIK 1	TERAS STRATEGIK 3
<p>Penghasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Berintegriti dan <i>Reliable</i></p>	<p>Mendaya Upaya Bakat</p>
<p>STRATEGI 1</p>	<p>STRATEGI 1</p>
<p>Memperkasakan Integriti, Keselamatan dan Kerahsiaan Maklumat</p>	<p>Memperkasakan Pembangunan Modal Insan dan Meningkatkan Profesionalisme</p>



07

**ETOS
PERKHIDMATAN
AWAM**

ETOS PERKHIDMATAN AWAM

ETOS Perkhidmatan Awam terbitan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2014 menggariskan lapan (8) nilai utama yang harus menjadi pegangan penjawat awam dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah diamanahkan seperti berikut:





08

**TERAS INTEGRITI
DOSM**

TERAS INTEGRITI DOSM

Setiap warga DOSM seharusnya menjadikan integriti sebagai komitmen untuk memperkasakan budaya integriti di Jabatan dengan:

1 Mematuhi undang-undang, dasar dan peraturan dalam melaksanakan tugas.

2 Menepati janji, komited dan bertanggungjawab ke atas tugas mahupun tindakan.

3 Memberi layanan dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan penuh mesra dan prihatin.

4 Bekerja secara berpasukan dan saling menghormati dalam menyempurnakan tugas.

Moral authority comes from following universal and timeless principles like honesty, integrity, treating people with respect.

Stephen Covey



09

**PENDEKATAN
STRATEGIK**

PENDEKATAN STRATEGIK

1. Penghayatan/Penerapan

- i. Memberi kefahaman berkaitan nilai, etika dan integriti;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang keperluan amalan integriti di peringkat individu dan organisasi; dan
- iii. Menyemai rasa untuk bersifat ihsan bagi setiap warga DOSM sepanjang melaksanakan tugas.

2. Pemulihan

Melaksanakan program pemulihan yang berkesan dan bersesuaian kepada warga DOSM yang terlibat dengan kes tatatertib atau yang berprestasi rendah.

3. Punitif

- i. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan atas pelanggaran peraturan atau undang-undang yang serius dilaksanakan dengan tegas, adil dan saksama tanpa unsur pilih kasih; dan
- ii. Melaksanakan sistem pengurusan tatatertib dengan berkesan mengikut proses dan prosedur yang telah ditetapkan.

4. Pengiktirafan

- i. Mengajukan sambutan Hari Integriti di peringkat DOSM dengan mengadakan pengisian dan penghargaan yang bersesuaian; dan
- ii. Memastikan nilai dan moral yang unggul terus kekal dalam diri warga DOSM.

5. Komunikasi

- i. Menggunakan saluran komunikasi sebagai medium utama mempromosikan pembudayaan nilai-nilai murni; dan
- ii. Memastikan kandungan setiap hebahan sentiasa tepat, bermaklumat serta memberi impak ke arah menyemarakkan penghayatan nilai-nilai murni di semua peringkat di Jabatan.

6. Pencegahan

- i. Mengambil tindakan yang perlu sekiranya wujud unsur-unsur atau petunjuk yang boleh membawa kepada kemerosotan integriti;
- ii. Memperkasa tadbir urus dan mekanisme kawalan dalaman bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas dan fungsi Jabatan; dan

- iii. Memperkemas sistem maklum balas dan aduan dalaman bagi membolehkan aduan mengenai integriti dapat berfungsi dengan baik.

7. Pengukuhan

- i. Meningkatkan dan memperluas penghayatan dan pengamalan integriti sebagai budaya warga DOSM;
- ii. Menjadikan pemimpin dan penyelia di semua peringkat sebagai contoh ikutan (*role model*) kepada kumpulan yang dipimpin atau diselia;
- iii. Mewujudkan penanda aras dan indikator atau Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*) bagi setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan;
- iv. Menyediakan suasana kerja yang berkualiti dan kondusif dengan keperluan fizikal yang sesuai; dan
- v. Mengaplikasikan konsep dan proses pembelajaran sepanjang hayat.

8. Penyelarasan

Unit Integriti di ibu pejabat bertanggungjawab sebagai penyelaras program integriti dan menyediakan laporan integriti peringkat DOSM serta melaporkan kepada Pengurusan Jabatan, Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



10

**OBJEKTIF
STRATEGIK**

OBJEKTIF STRATEGIK

Pelaksanaan PID adalah berasaskan kepada empat (4) objektif strategik yang telah dikenalpasti seperti berikut:

OBJEKTIF STRATEGIK 1	OBJEKTIF STRATEGIK 2
Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik (<i>Good Governance</i>)	Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam
STRATEGI	STRATEGI
<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan Mekanisme Tadbir Urus. 2. Memperkasakan Sistem Kawalan Dalaman. 3. Meningkatkan Tahap Disiplin dan Prestasi Pegawai. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membudayakan dan Memperluaskan Penggunaan ICT dalam Melaksanakan Tugas. 2. Mengukuhkan Sistem Pengurusan Pelanggan. 3. Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif.
OBJEKTIF STRATEGIK 3	OBJEKTIF STRATEGIK 4
Memantapkan Amalan Integriti	Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia
STRATEGI	STRATEGI
<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan Kesedaran Tanggungjawab sebagai Penjawat Awam yang Berintegriti. 2. Membangunkan dan Memantapkan Modal Insan yang Berintegriti dalam Melaksanakan Tugas. 3. Meningkatkan Pemantauan dan Penilaian secara Berterusan. 4. Mengukuhkan Hubungan dalam Kalangan Warga DOSM dan Mengamalkan Gaya Hidup Sihat. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkasakan Program Pembangunan Kerjaya dan Pembangunan Kepimpinan. 2. Meningkatkan Program Pengiktirafan dan Penghargaan. 3. Memperkasakan Pengetahuan, Kreativiti dan Inovasi Warga DOSM.



1 1

**PELAN TINDAKAN
DAN PELAKSANAAN**

OBJEKTIF STRATEGIK 1

MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS TERBAIK (*GOOD GOVERNANCE*)

STRATEGI	PERKARA	JUMLAH
1	Meningkatkan Mekanisme Tadbir Urus	10
2	Memperkasakan Sistem Kawalan Dalaman	6
3	Meningkatkan Tahap Disiplin dan Prestasi Pegawai	8

Dari Aisyah r.a, bahawasanya Nabi SAW bersabda; "Sesungguhnya Allah SWT mencintai seorang hamba jika melakukan sesebuah amal (pekerjaan), dilakukannya dengan cara paling baik."

(HR. Thabrani)

OBJEKTIF STRATEGIK 1: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS TERBAIK (GOOD GOVERNANCE)

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 1: Meningkatkan Mekanisme Tadbir Urus				
1.	Mesyuarat Pagi Pengurusan	Peningkatan terhadap tadbir urus Jabatan	2 kali sebulan	BKP
2.	Mesyuarat Pengurusan Ketua Perangkawan Bersama Pengarah Bahagian dan Pengarah JP Negeri	Peningkatan terhadap tadbir urus Jabatan	6 kali setahun	Urus Setia Mesyuarat
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA)	Pengurusan kewangan dan akaun yang efektif mengikut peraturan dan pekelling yang berkuatkuasa	4 kali setahun	BKP
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)	Pengurusan aset alih yang efektif mengikut peraturan dan pekelling yang berkuatkuasa	4 kali setahun	BKP
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Jabatan (JP/ICT)	Pengurusan perolehan ICT yang lebih telus serta mengikut peraturan dan Pekelling Perolehan Projek ICT yang berkuatkuasa	4 kali setahun	BPM
6.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Memastikan keberkesanan, kecekapan dan kesesuaian Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan	2 kali setahun	BKKP
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi dan Kreativiti Jabatan	Membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga DOSM untuk kecemerlangan Jabatan	2 kali setahun	BMP
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	Peningkatan terhadap ketelusan integriti dan tadbir urus Jabatan	3 kali setahun	Unit Integriti
9.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan	Meningkatkan komunikasi dua hala antara Pihak Pekerja dengan Pihak Pengurusan Jabatan	3 kali setahun	BKP
10.	Mesyuarat Keselamatan Jabatan	Memantapkan tadbir urus keselamatan Jabatan	Mengikut keperluan	BKP

OBJEKTIF STRATEGIK 1: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS TERBAIK (GOOD GOVERNANCE)

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 2: Memperkasakan Sistem Kawalan Dalam				
1.	Memantapkan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 (tertakluk kepada perubahan versi ISO)	Pengurusan tadbir yang berkualiti	Pensijilan MS ISO 9001	BKKP
2.	ISMS MS ISO/IEC 27001 (tertakluk kepada perubahan versi ISO)	Pengurusan Sistem Keselamatan ICT yang berkualiti	Pensijilan ISMS MS ISO/IEC 27001	BPM
3.	Dasar Keselamatan ICT Jabatan	Pematuhan piawaian tahap keselamatan ICT	Warga DOSM	BPM
4.	Naziran Kewangan	Penyampaian perkhidmatan yang lebih mantap dan berkesan	4 kali setahun	BKP
5.	Naziran Aset dan Stor (aset ICT dan aset selain peralatan ICT)	Penyampaian perkhidmatan yang lebih mantap dan berkesan	2 kali setahun	BKP
6.	Audit Kualiti Statistik (AKS)	Peningkatan terhadap tadbir urus Jabatan	2 kali setahun	BMP

OBJEKTIF STRATEGIK 1: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS TERBAIK (GOOD GOVERNANCE)

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 3: Meningkatkan Tahap Disiplin dan Prestasi Pegawai				
1.	Menganjurkan program/Kursus Orientasi	Meningkatkan kesedaran pegawai/anggota mengenai pengurusan Jabatan	Anggota baru DOSM	ILSM
2.	Memantau pelaksanaan Pengisytiharan Harta melalui HRMIS	Meningkatkan ketelusan dan integriti warga DOSM	100% warga DOSM	BKP
3.	Pengukuhan tahap integriti	Meningkatkan tahap kesedaran warga DOSM mengenai Integriti	Warga DOSM	Unit Integriti
4.	Penerangan mengenai kesalahan tatatertib dan jenayah	Meningkatkan tahap disiplin warga DOSM	1 kali setahun	Unit Integriti
5.	Pelaksanaan Dasar Pusingan Kerja	Meningkatkan kompetensi dan integriti pegawai	3% daripada jumlah perjawatan	BKP
6.	Melaksanakan Proses Pemulihan (Kaunseling, Motivasi, AKRAB dll.)	Penyampaian perkhidmatan yang lebih mantap dan berkesan	Warga DOSM	BKP
7.	Memantapkan pelaksanaan Pengurusan Penilaian Prestasi	Memastikan penilaian prestasi dibuat secara lebih telus, adil dan saksama	1 kali setahun	BKP
8.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib	Memastikan keputusan tegas dan boleh memberi pengajaran kepada pegawai lain. Tidak hanya sekadar keputusan Amaran sahaja	Jumlah kes tatatertib pada tahun semasa	Unit Integriti

OBJEKTIF STRATEGIK 2

MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	PERKARA	JUMLAH
1	Membudayakan dan Memperluaskan Penggunaan ICT dalam Melaksanakan Tugas	6
2	Mengukuhkan Sistem Pengurusan Pelanggan	7
3	Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif	3

"Integrity is doing the right thing, even when no one is watching".

C. S. Lewis

OBJEKTIF STRATEGIK 2: MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 1: Membudayakan dan Memperluaskan Penggunaan ICT dalam Melaksanakan Tugas				
1.	Penggunaan e-mel dan <i>Webmail</i>	Komunikasi yang lebih cepat dan mudah	100% penggunaan	BPM
2.	Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)	Pengurusan sumber manusia yang sistematik dan teratur	100% penggunaan	BKP
3.	Sistem Pengurusan Latihan atas Talian (eSPL)	Pengurusan latihan yang lebih cekap dan berkesan	100% penggunaan	ILSM
4.	<i>National Enterprise-Wide Statistical Systems</i> (NEWSS)	Kaedah pengumpulan/ pemprosesan/ penyebaran data yang cepat dan mudah	Warga DOSM yang berkaitan	BPM
5.	Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB)	Pengurusan dan kawalan perbelanjaan yang lebih cekap dan terkawal	BKP dan JP Negeri	BKP
6.	Sistem Pengurusan Aset (SPA)	Pengurusan aset yang lebih cekap dan menyeluruh	BKP dan JP Negeri	BKP

OBJEKTIF STRATEGIK 2: MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 2: Mengukuhkan Sistem Pengurusan Pelanggan				
1.	Kajian Kepuasan Pelanggan	Memahami keperluan pelanggan bagi tujuan penambahbaikan mutu perkhidmatan	Satu kali setahun	BKKP
2.	Sistem Maklum Balas	Peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan	Pelanggan Jabatan	BKKP
3.	Kaunter Khidmat Pengguna	Penyampaian perkhidmatan secara bersemuka	Pelanggan Jabatan	BKKP
4.	Perkhidmatan <i>e-Services</i>	Mempercepatkan penghasilan kerja dan meningkatkan keyakinan pelanggan	Pengguna dan responden	BKKP
5.	Perkhidmatan <i>e-Survey</i>	Mempercepatkan penghasilan kerja dan meningkatkan keyakinan pelanggan	Pengguna dan responden	Bahagian Butiran Perkara
6.	Portal Jabatan	Penyebaran statistik yang lebih mudah dan mesra pelanggan	5 bintang	BKKP
7.	<i>Statistics Data Warehouse (StatsDW)</i>	Penyimpanan data bersih dan penyebaran statistik yang lebih mudah	Pelanggan dalaman / luaran	BKD

OBJEKTIF STRATEGIK 2: MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 3: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif				
1.	Pelaksanaan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara berterusan	Persekitaran kerja yang kondusif dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih mantap dan berkesan	Warga DOSM	BKP, ILSM dan JP Negeri
2.	Meningkatkan aspek keselamatan di tempat kerja - Simulasi Keselamatan	Memastikan warga DOSM menjalankan tugas dalam persekitaran kerja yang selamat	Warga DOSM	BKP, ILSM dan JP Negeri
3.	Menyediakan fasiliti pejabat yang lengkap dan berada dalam keadaan yang baik	Memastikan warga DOSM menjalankan tugas dengan baik	Warga DOSM	BKP, ILSM dan JP Negeri

OBJEKTIF STRATEGIK 3

MEMANTAPKAN AMALAN INTEGRITI

STRATEGI	PERKARA	JUMLAH
1	Meningkatkan Kesedaran Tanggungjawab sebagai Penjawat Awam yang Berintegriti	2
2	Membangunkan dan Memantapkan Modal Insan yang Berintegriti dalam Melaksanakan Tugas	3
3	Meningkatkan Pemantauan dan Penilaian Secara Berterusan	2
4	Menguukuhkan Hubungan dalam Kalangan Warga DOSM dan Mengamalkan Gaya Hidup Sihat	4

"The supreme quality for leadership is unquestionably integrity. Without it, no real success is possible, no matter whether it is on a section gang, a football field, in an army, or in an office."

Dwight D. Eisenhower

OBJEKTIF STRATEGIK 3: MEMANTAPKAN AMALAN INTEGRITI

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 1: Meningkatkan Kesedaran Tanggungjawab sebagai Penjawat Awam yang Berintegriti				
1.	Menandatangani Surat Aku Janji dan Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT	Memastikan pematuhan setiap warga DOSM terhadap peraturan, sistem dan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan	Warga DOSM yang baru melaporkan diri	Bahagian, ILSM dan JP Negeri
2.	Hebahan dan peringatan amalan etika dan nilai integriti	Memastikan amalan dan nilai integriti dilaksanakan secara teratur dan berkesan	Warga DOSM	Unit Integriti

OBJEKTIF STRATEGIK 3: MEMANTAPKAN AMALAN INTEGRITI

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 2: Membangunkan dan Memantapkan Modal Insan yang Berintegriti dalam Melaksanakan Tugas				
1.	Ceramah Kebudayaan Nilai-nilai Integriti	Meningkatkan kesedaran integriti dan pematuhan kepada peraturan-peraturan pegawai awam (kelakuan dan tata tertib)	2 kali setahun	Unit Integriti
2.	Sambutan Hari Integriti peringkat Jabatan	Meningkatkan kesedaran integriti	1 kali setahun	Unit Integriti
3.	Bengkel Integriti	Meningkatkan kesedaran integriti dan menyebarkan amalan integriti di organisasi masing-masing	Sekali bagi setiap dua tahun	Unit Integriti

OBJEKTIF STRATEGIK 3: MEMANTAPKAN AMALAN INTEGRITI

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 3: Meningkatkan Pemantauan dan Penilaian Secara Berterusan				
1.	Pemantauan rekod kehadiran bekerja	Memastikan kepatuhan terhadap peraturan waktu bekerja	Warga DOSM	BKP
2.	Audit Nilai Integriti / Kajian Kepuasan Bekerja Anggota	Mengetahui tahap kepuasan bekerja dan mengadakan pembaikan organisasi	2 kajian	Unit Integriti

OBJEKTIF STRATEGIK 3: MEMANTAPKAN AMALAN INTEGRITI

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 4: Mengukuhkan Hubungan dalam Kalangan Warga DOSM dan Mengamalkan Gaya Hidup Sihat				
1.	DOSM <i>Family Day</i>	Mengeratkan hubungan dalam kalangan warga DOSM	Warga DOSM	Kelab Sukan Statistik / Kelab Sukan JP Negeri
2.	<i>Fit</i> DOSM <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>StatsRun</i> ▪ Sukan Statistik Kebangsaan 	Mengeratkan hubungan dalam kalangan warga DOSM	Warga DOSM	Kelab Sukan Statistik
3.	Penyertaan dalam aktiviti anjuran persatuan	Mengeratkan hubungan dalam kalangan warga DOSM	Warga DOSM	Semua persatuan / kelab di Ibu Pejabat dan JP Negeri
4.	Pemeriksaan Kesihatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam yang telah berumur 40 tahun dan ke atas	Memastikan warga DOSM sentiasa sihat dan produktif	Warga DOSM	Bahagian, ILSM dan JP Negeri

OBJEKTIF STRATEGIK 4

MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

STRATEGI	PERKARA	JUMLAH
1	Memperkasakan Program Pembangunan Kerjaya dan Pembangunan Kepimpinan	4
2	Meningkatkan Program Pengiktirafan dan Penghargaan	3
3	Memperkasakan Pengetahuan, Kreativiti dan Inovasi Warga DOSM	3

*"Wrong is wrong, even if everyone is doing it.
Right is right, even if no one is doing it."*

Anonymous

OBJEKTIF STRATEGIK 4: MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 1: Memperkasakan Program Pembangunan Kerjaya dan Pembangunan Kepimpinan				
1.	Melaksanakan Pelan Operasi Latihan	Memastikan kompetensi warga DOSM berada pada tahap maksimum	1 pelan setahun	ILSM
2.	Memperkasakan pelaksanaan program latihan berkaitan <i>core business</i>	Mempertingkatkan kompetensi dan profesionalisme	Pegawai <i>Subject Matter Expert</i> (SME)	ILSM
3.	Dasar Penempatan, Pertukaran dan Pusingan Kerja	Memastikan kompetensi pegawai berada pada tahap maksimum	Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sokongan I	BKP
4.	Melaksanakan Program <i>Mentoring / Coaching</i>	Mewujudkan barisan pelapis yang berkemahiran	1 program setiap dua [2] tahun	BKP

OBJEKTIF STRATEGIK 4: MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 2: Meningkatkan Program Pengiktirafan dan Penghargaan				
1.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang / Pingat Perkhidmatan Cemerlang	Memberi penghargaan kepada warga DOSM yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang	8% daripada warga DOSM	BKP
2.	Anugerah Kebesaran Persekutuan dan Negeri	Menghargai jasa dan khidmat warga DOSM dari pelbagai peringkat perkhidmatan	Mengikut kelayakan	BKP
3.	Majlis Jasamu Dikenang	Menghargai jasa dan khidmat warga DOSM dari pelbagai peringkat perkhidmatan	Pegawai dan anggota yang akan bersara	BKP

OBJEKTIF STRATEGIK 4: MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bil.	Program / Aktiviti	Matlamat / Objektif	Sasaran	Peneraju
Strategi 3: Memperkasakan Pengetahuan, Kreativiti dan Inovasi Warga DOSM				
1.	Program Perkongsian Ilmu	Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga DOSM selaras dengan perkembangan semasa	Warga DOSM	Semua Bahagian dan JP Negeri
2.	Mewujudkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif	Mengalakkan perkongsian idea bagi menambah baik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja	Warga DOSM	BMP
3.	Mengalakkan penyertaan bagi program latihan di dalam dan luar negara (kursus, bengkel, seminar, persidangan dan lain-lain)	Melahirkan warga DOSM yang berpengetahuan tinggi dan mempunyai kepakaran dalam <i>Subject Matter Expert</i> (SME)	Warga DOSM	ILSM dan BKPP



12

PENUTUP

PENUTUP

Dengan pelaksanaan pelbagai strategi dan pelan tindakan yang digariskan dalam PID akan meningkatkan penghayatan dan pembudayaan integriti dalam kalangan warga DOSM. PID bertindak sebagai rangka dasar, hala tuju dan bidang fokus bagi mencapai kecemerlangan yang diharapkan oleh *stakeholders*, pelanggan dan rakyat. PID diharap dapat mewujudkan tadbir urus yang utuh, kukuh dan berintegriti yang merupakan asas dalam transformasi DOSM secara komprehensif sejajar dengan perubahan semasa oleh *stakeholders* dan pelanggan.



13

RUJUKAN

RUJUKAN

1. Pelan Integriti Nasional, Institut Integriti Malaysia.
2. Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020, Jabatan Perangkaan Malaysia.
3. Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2011-2015, Jabatan Perangkaan Malaysia.
4. Dasar Keselamatan ICT, Jabatan Perangkaan Malaysia.
5. Dokumen MS ISO 9001:2008, Jabatan Perangkaan Malaysia.
6. Pelan Operasi Latihan 2016, Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Jabatan Perangkaan Malaysia.
7. Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
8. Dasar Penempatan, Pertukaran dan Pusingan Kerja bagi Perangkawan E41 hingga E54, Jabatan Perangkaan Malaysia.
9. Buku Arahan Keselamatan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.
10. Pelan Kesenambungan Perkhidmatan, Jabatan Perangkaan Malaysia.
11. Perintah-Perintah Am dan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa.
12. Arahan Perbendaharaan dan 1Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.



14

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Ketua Perangkawan Malaysia

YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan

Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi)

YBrs. Tuan Haji Ismail bin Yusoff

Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial / Demografi)

YBrs. Dr. Mohd Uzir bin Mahidin

Unit Integriti

Encik Azmi bin Ali

Encik Lim Song Huat

Puan 'Amirah Nur binti Ahmad

Puan Norlin Aslinda binti Lisman

Puan Norridah binti Jaafar

Pengarah Kanan / Pengarah Bahagian

Pengarah JP Negeri

dan

semua yang terlibat dalam penyediaan

PID 2016-2020



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
(DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA)
BLOK C6, KOMPLEKS C,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62514 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

www.statistics.gov.my